

29 SEP 2002

PRESIDEN IRELAND TIBA MALAM INI UNTUK LAWATAN TIGA HARI

SEPANG, 29 Sept (Bernama) -- Presiden Ireland Mary McAleese tiba dengan pesawat khas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini malam ini untuk lawatan negara selama tiga hari.

Ketibaan beliau kira-kira 10.15 malam disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman selaku menteri pengiring dan Duta Ireland ke Malaysia Daniel Mulhall.

McAleese mengetuai rombongan 55 anggota untuk lawatan kali pertama beliau ke negara ini yang turut disertai suaminya Dr Martin McAleese, Menteri Sains dan Pendidikan Noel Dempsey, pegawai kerajaan dan ahli perniagaan Ireland.

Pagi esok beliau akan diberi sambutan rasmi di Medan Parlimen, sebelum menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan diikuti dengan lawatan ke Menara Berkembar Petronas.

Beliau juga akan menyampaikan ucapan bertajuk "Meeting the Challenges of 21st Century: Ireland's Perspective" anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar di sebuah hotel di sini.

Pada sebelah malam, McAleese akan mengunjungi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara dan diikuti dengan menghadiri jamuan negara.

Selain mengeratkan hubungan antara kedua-dua negara, lawatan itu juga akan meningkatkan lagi hubungan perdagangan, pendidikan dan pelancongan.

-- BERNAMA
ZMN AZH HM